



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 3 ( 91 )  
Tarikh : 21 Oktober 2020

## Semua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

### **PENANGGUHAN PROGRAM/AKTIVITI SUKAN, KOKURIKULUM, SEMINAR, BENGGEL SERTA AKTIVITI LAIN SELAIN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memantau peningkatan kes *Novel Coronavirus* (COVID-19) dan arahan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020. Berdasarkan situasi semasa penularan COVID-19, KPM memandang serius perkara ini dan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan program/aktiviti yang melibatkan guru dan murid dijalankan mematuhi *Prosedur Standard Operasi* (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah serta Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu. Garis panduan ini sebagai panduan kepada pihak sekolah bagi menjamin keselamatan serta kesihatan guru dan murid. Sehubungan dengan itu, KPM memutuskan agar semua kegiatan sukan, kokurikulum, seminar, bengkel, taklimat dan program-program lain yang melibatkan guru dan murid secara bersemuka **ditangguhkan**. KPM menggalakkan program/aktiviti dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan platform yang bersesuaian bagi membolehkan interaksi dua hala bersemuka dan berlaku secara dalam talian (maya).

4. KPM ingin menegaskan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilaksanakan pada tahap maksimum dan memastikan keselamatan murid adalah menjadi keutamaan dalam situasi pandemik COVID-19.

...2/-

KPM.100-1/3/1 Jld. 3 ( 92 )

5. YBhg. Datuk/Tuan/Puan perlu mengambil tindakan segera memaklumkan perkara ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan semua sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/tuan/puan.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**HAJI ADZMAN BIN TALIB**

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Pengarah Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia